

PENDEKATAN *FLIPPED CLASSROOM* DALAM PENDIDIKAN ISLAM: SUATU TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK TERHADAP PELAKSANAAN DAN KEBERKESANAN

THE FLIPPED CLASSROOM APPROACH IN ISLAMIC EDUCATION: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW OF IMPLEMENTATION AND EFFECTIVENESS

Khairil Fikri Mohd Din^{1*}

Mohd Shahidan Ramli²

Mohd Nizam Sahad³

¹ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Pulau Pinang Malaysia
(Email: khairilfikri@student.usm.my)

² Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Pulau Pinang Malaysia
(Email: mohdshahidanramli@student.usm.my)

³ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Pulau Pinang Malaysia
(Email: nizamsahad@usm.my)

*Corresponding author: khairilfikri@student.usm.my

Article history

Received date : 22-11-2025

Revised date : 23-11-2025

Accepted date : 28-12-2025

Published date : 15-1-2026

To cite this document:

Mohd Din, K. F., Ramli, M. S., & Sahad, M. N. (2026). Pendekatan flipped classroom dalam pendidikan Islam: Suatu tinjauan literatur sistematik terhadap pelaksanaan dan keberkesanan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (80), 67 – 81.

Abstrak: Pendekatan flipped classroom semakin diterima sebagai inovasi pedagogi berpusatkan pelajar dan berpotensi meningkatkan keberkesanan Pendidikan Islam selaras dengan tuntutan abad ke-21 tanpa mengabaikan nilai Islam. Namun, kajian berkaitan masih terpisah dan belum disintesis secara sistematik. Oleh itu, kajian ini menjalankan Tinjauan Literatur Sistematik (SLR) berpandukan kerangka PRISMA terhadap artikel jurnal berwasit yang diterbitkan antara 2017 hingga 2025 melalui pangkalan data Scopus, Web of Science dan Google Scholar. Sebanyak 23 artikel dianalisis menggunakan analisis tematik. Dapatan menunjukkan pelaksanaan flipped classroom melibatkan pelbagai reka bentuk pedagogi dan integrasi teknologi seperti sistem pengurusan pembelajaran, video dan e-pembelajaran. Dari segi keberkesanan, majoriti kajian melaporkan peningkatan pencapaian akademik, pemahaman konsep, penglibatan pelajar, pembelajaran sendiri serta sokongan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dan pembentukan nilai Islam apabila dilaksanakan secara terancang. Secara keseluruhan, kajian ini menyediakan sintesis berasaskan bukti bagi menyokong perancangan dan pelaksanaan inovasi pedagogi berasaskan teknologi dalam Pendidikan Islam.

Kata Kunci: Flipped classroom, Pendidikan Islam, pembelajaran berasaskan teknologi, tinjauan literatur sistematik, pedagogi inovatif

Abstract: *The flipped classroom approach has gained recognition as a student-centered pedagogical innovation that integrates technology and active learning, with strong potential to enhance the effectiveness of Islamic Education while aligning with 21st-century pedagogical demands without neglecting Islamic values. However, existing studies on flipped classroom in Islamic Education remain fragmented and lack systematic synthesis. Therefore, this study conducts a Systematic Literature Review (SLR) guided by the PRISMA framework. Literature was retrieved from Scopus, Web of Science, and Google Scholar, covering publications from 2017 to 2025. A total of 23 peer-reviewed journal articles met the inclusion criteria and were analyzed using thematic analysis. The findings indicate that flipped classroom implementation in Islamic Education involves diverse pedagogical designs and technological integrations, including learning management systems, instructional videos, and e-learning environments. In terms of effectiveness, most studies report improvements in academic achievement, conceptual understanding, student engagement, and self-directed learning. Additionally, several studies highlight the potential of the flipped classroom to support higher-order thinking skills and the development of Islamic character and values when implemented in a well-planned and contextualized manner. Overall, this review provides evidence-based insights to support the planning and implementation of technology-based pedagogical innovations in Islamic Education.*

Keywords: *Flipped classroom, Islamic education, technology enhanced learning, systematic literature review, innovative pedagogy*

Pengenalan

Perkembangan teknologi digital telah mendorong perubahan ketara dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan, termasuk dalam bidang Pendidikan Islam. Pendekatan pengajaran tradisional yang berpusatkan guru semakin dilihat kurang selari dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 yang menuntut penglibatan aktif pelajar, pembelajaran sendiri serta penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi (Zainuddin et al., 2019). Seiring dengan perubahan ini, pendekatan *flipped classroom* mula diperkenalkan sebagai satu inovasi pedagogi yang mengubah susunan pembelajaran konvensional dengan memindahkan penyampaian kandungan asas ke luar bilik darjah dan memanfaatkan masa bersemuka untuk aktiviti pembelajaran yang lebih interaktif dan bermakna (Halid, 2022). Dalam konteks Pendidikan Islam, pendekatan *flipped classroom* semakin mendapat perhatian kerana potensinya untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Beberapa kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik dan kefahaman konsep pelajar berbanding kaedah pengajaran tradisional (Atabik, A., Fian, K., Hardoyono, F., & Dahlan, 2025). Selain itu, pelaksanaan *flipped classroom* turut dilaporkan dapat meningkatkan penglibatan dan penyertaan aktif pelajar dalam proses pembelajaran, termasuk dalam mata pelajaran Pendidikan Agama Islam dan pembelajaran al-Quran (Rachmawati et al., 2023; Purnasari, 2024). Dari sudut pedagogi, penggunaan teknologi seperti sistem pengurusan pembelajaran dan bahan pembelajaran digital dikenal pasti sebagai elemen sokongan penting yang membolehkan pelaksanaan pendekatan ini dijalankan dengan lebih sistematik dan fleksibel (Hasanah, 2023; Agus Wedi, Dina Mardiana, 2025).

Walau bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu berkaitan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam menunjukkan kepelbagaian yang ketara dari segi reka bentuk pembelajaran, pendekatan pedagogi dan penggunaan teknologi. Sesetengah kajian mengintegrasikan *flipped classroom* dengan pembelajaran berasaskan masalah atau projek bagi menggalakkan pemikiran kritis dan pembelajaran bermakna (Nugraha et al., 2024). Manakala kajian lain menggabungkannya

dengan pendekatan *blended learning* untuk meningkatkan fleksibiliti pembelajaran (Halid, 2022) Perbezaan ini menyebabkan dapatan kajian bersifat terpisah dan sukar ditafsir secara menyeluruh tanpa suatu sintesis yang sistematik. Di samping itu, kebanyakan kajian lepas lebih menumpukan kepada aspek keberkesanan terhadap pencapaian pelajar, manakala perbincangan berkaitan corak pelaksanaan pedagogi dan penggunaan teknologi secara terperinci masih kurang diberi perhatian (Saputra, I. ., & Anita, 2025). Berdasarkan jurang tersebut, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti corak pelaksanaan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam berdasarkan kajian-kajian lepas, termasuk aspek reka bentuk pembelajaran, penggunaan teknologi dan pendekatan pedagogi yang digunakan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis keberkesanan *flipped classroom* terhadap hasil pembelajaran Pendidikan Islam, khususnya dari segi pencapaian akademik, pemahaman konsep, penglibatan pelajar dan pembelajaran sendiri (Alkandari & Alabdulhadi, 2023).

Dari sudut kepentingan, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengembangan ilmu melalui sintesis literatur yang sistematik, menyediakan rujukan berasaskan bukti kepada pembuat dasar dan institusi pendidikan, serta menyokong komuniti pendidik dan industri pendidikan dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran berasaskan teknologi yang selari dengan keperluan Pendidikan Islam kontemporari .

Skop kajian ini tertumpu kepada analisis 23 artikel berkaitan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam seperti yang disenaraikan dalam Table 1. Artikel ini dimulakan dengan pengenalan, diikuti metodologi tinjauan literatur sistematik. Seterusnya, dapatan kajian dibentangkan dan dibincangkan berdasarkan objektif kajian sebelum diakhiri dengan kesimpulan serta cadangan penyelidikan masa hadapan.

Sorotan Literatur

Literatur berkaitan pelaksanaan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam menunjukkan peningkatan yang ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini, selari dengan keperluan transformasi pedagogi berasaskan teknologi dalam pendidikan. Pendekatan ini yang menstruktur semula proses pengajaran dengan memindahkan penyampaian kandungan asas ke luar bilik darjah dan memanfaatkan masa bersemuka untuk aktiviti pembelajaran aktif telah diaplikasikan dalam pelbagai konteks Pendidikan Islam, merangkumi sekolah rendah, sekolah menengah, pendidikan tinggi serta latihan perguruan. Analisis terhadap 23 artikel terpilih menunjukkan bahawa *flipped classroom* semakin diterima sebagai satu strategi pedagogi yang berpotensi meningkatkan kualiti pembelajaran Pendidikan Islam.

Pelaksanaan Pedagogi Flipped Classroom dalam Pendidikan Islam

Dari sudut pelaksanaan pedagogi, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa *flipped classroom* tidak dilaksanakan secara seragam, sebaliknya disesuaikan mengikut tahap pendidikan, keperluan pelajar dan konteks institusi. Di peringkat pendidikan tinggi dan latihan guru, pendekatan ini sering digabungkan dengan pedagogi aktif seperti *problem based learning* dan *project based learning* bagi menggalakkan penglibatan pelajar secara mendalam dan pembelajaran bermakna. Kajian oleh Nugraha et al., (2024) menunjukkan bahawa integrasi *flipped classroom* dengan pembelajaran berasaskan masalah membantu pelajar Pendidikan Islam mengaitkan konsep dan nilai Islam dengan situasi kehidupan sebenar. Dapatan yang sama turut disokong oleh Alkandari & Alabdulhadi, (2023) yang menekankan peranan pendekatan berasaskan projek dalam menyokong pembelajaran sendiri dan refleksi profesional dalam kalangan guru pelatih. Sebaliknya, di peringkat sekolah rendah dan menengah, pelaksanaan *flipped classroom* lebih menumpukan kepada pengukuhan kefahaman konsep asas dan penguasaan kemahiran tertentu

dalam Pendidikan Islam. Kajian oleh Rachmawati et al., (2023); Putri, (2025) dan Padang, (2025) menunjukkan bahawa pendekatan ini berkesan meningkatkan pemahaman konsep, motivasi serta penglibatan pelajar. Walau bagaimanapun, keberkesanan pelaksanaan pendekatan ini didapati sangat bergantung kepada perancangan pengajaran yang jelas dan bimbingan berte-rusan daripada guru (Hasanah, 2023).

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam bersifat kontekstual dan berbeza mengikut tahap pendidikan. Di peringkat pendidikan tinggi dan latihan guru, pendekatan ini lebih berkesan apabila digabungkan dengan pedagogi aktif yang menyokong pembelajaran bermakna dan reflektif. Sebaliknya, di peringkat sekolah, *flipped classroom* lebih berfungsi sebagai strategi pengukuhan kefahaman dan penglibatan pelajar, dengan keberkesanannya sangat bergantung kepada perancangan pengajaran yang sistematik serta peranan guru sebagai fasilitator pembelajaran

Integrasi Teknologi dalam Flipped Classroom

Teknologi dikenal pasti sebagai komponen utama yang menyokong pelaksanaan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam. Kebanyakan kajian menekankan penggunaan sistem pengurusan pembelajaran (LMS), video pembelajaran dan platform e-pembelajaran sebagai medium penyampaian kandungan sebelum sesi bersemuka (Zainuddin et al., 2019) menunjukkan bahawa penggunaan LMS dalam *flipped classroom* menyokong pembelajaran fleksibel serta membantu membangunkan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar Pengajian Islam. Dapatan ini selari dengan kajian (Hasanah, 2023), yang melaporkan bahawa penggunaan *Moodle* dalam *flipped classroom* meningkatkan keberkesanan pembelajaran serta kompetensi pedagogik calon guru Pendidikan Islam. Dalam konteks yang lebih luas, (Agus Wedi & Dina Mardiana, 2025) menegaskan bahawa *flipped classroom* merupakan sebahagian daripada transformasi digital Pendidikan Agama Islam, khususnya dalam era kecerdasan buatan yang menuntut penggunaan teknologi secara lebih sistematik dan bersepadu.

Walaupun demikian, literatur turut menunjukkan bahawa penggunaan teknologi semata-mata tidak menjamin kejayaan pelaksanaan *flipped classroom*. Beberapa kajian melaporkan cabaran berkaitan akses kepada kemudahan digital dan tahap literasi teknologi guru, terutamanya di institusi yang mempunyai sumber terhad (Purnasari, 2024). Selain itu, (Halid, 2022) menegaskan bahawa *flipped classroom* perlu dilaksanakan secara seimbang sebagai sebahagian daripada pendekatan *blended learning*, dengan mengambil kira persediaan guru dan pelajar.

Kesimpulannya, literatur menunjukkan bahawa teknologi berperanan sebagai pemudah cara dalam pelaksanaan *flipped classroom*, namun keberkesanannya sangat bergantung kepada tahap penyediaan infrastruktur dan kompetensi digital guru. Dapatan ini menegaskan bahawa integrasi teknologi dalam Pendidikan Islam perlu dilaksanakan secara seimbang dan berstrategi selari dengan prinsip *blended learning*, agar penggunaan teknologi benar-benar menyokong pembelajaran bermakna dan tidak sekadar bersifat teknikal semata-mata

Keberkesanan Flipped Classroom terhadap Hasil Pembelajaran

Kebanyakan kajian menunjukkan bahawa pendekatan *flipped classroom* memberikan kesan positif yang konsisten terhadap hasil pembelajaran pelajar Pendidikan Islam. Pendekatan ini didapati bukan sahaja meningkatkan pencapaian akademik dan kefahaman pelajar berbanding kaedah pengajaran tradisional, malah turut menggalakkan penglibatan pelajar yang lebih aktif dalam proses pembelajaran (Atabik, A., Fian, K., Hardoyono, F., & Dahlan, 2025). Menariknya, kajian oleh (Alshabibi, T., Ayasra, M. A., & Almehrzi, 2021) menunjukkan

bahawa *flipped classroom* mampu meningkatkan penyertaan pelajar perempuan dalam kelas, terutamanya dalam kalangan pelajar berprestasi tinggi, sekali gus mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif. Dari sudut kognitif pula, *flipped classroom* menyumbang kepada kemahiran berfikir secara kritis dan berfikir aras tinggi. Saniyyah et al., (2022) menyatakan bahawa pelajar yang mengikuti pembelajaran berasaskan pendekatan ini menunjukkan keupayaan yang lebih baik dalam menganalisis, menilai dan memahami kandungan pembelajaran secara mendalam. Keadaan ini berlaku kerana masa bersemuka dimanfaatkan untuk perbincangan dan aplikasi konsep, bukannya penyampaian kandungan semata-mata.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa *flipped classroom* merupakan satu pendekatan pedagogi yang berkesan dalam meningkatkan pencapaian akademik, penglibatan dan kualiti pembelajaran pelajar Pendidikan Islam. Namun, keberkesanan pendekatan ini bergantung kepada perancangan pengajaran yang rapi dan peranan aktif guru sebagai fasilitator pembelajaran. Oleh itu, *flipped classroom* wajar dilihat sebagai satu pendekatan pedagogi yang berfokus kepada pembelajaran bermakna, dan bukan sekadar perubahan teknikal dalam kaedah penyampaian pengajaran

Pembelajaran Kendiri dan Nilai Pendidikan Islam

Selain memberi kesan terhadap pencapaian akademik, literatur turut menonjolkan peranan *flipped classroom* dalam membangunkan pembelajaran kendiri dan profesionalisme pendidik, khususnya dalam konteks Pendidikan Islam. Beberapa kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini memberi ruang kepada guru pelatih untuk mengurus pembelajaran mereka secara lebih berdikari, membuat refleksi terhadap amalan pengajaran, serta meningkatkan keyakinan dan efikasi sendiri sebagai pendidik. Kajian oleh Alkandari & Alabdulhadi, (2023) mendapati bahawa persekitaran pembelajaran berasaskan *flipped classroom* membantu guru pelatih membina kemahiran regulasi sendiri dan refleksi profesional, yang penting dalam menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21.

Pada masa yang sama, beberapa kajian menegaskan bahawa pelaksanaan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam tidak boleh bersifat neutral nilai, sebaliknya perlu disejajarkan dengan falsafah dan prinsip Pendidikan Islam. Muhtifah et al., (2022) menekankan bahawa penggunaan teknologi dalam pengajaran perlu berlandaskan nilai Islam agar pembelajaran bukan sahaja berfokus kepada pencapaian kognitif, tetapi juga pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar. Selari dengan itu, kajian oleh Muhamad Restu Fauzi, Tasman Hamami, (2024) menunjukkan bahawa integrasi pedagogi berasaskan teknologi yang berpaksikan nilai Islam mampu menyokong pembangunan karakter pelajar secara lebih menyeluruh dan seimbang.

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa *flipped classroom* bukan sahaja berperanan sebagai pendekatan pedagogi yang menyokong pembelajaran kendiri dan pembangunan profesional pendidik, malah berpotensi memperkuat pembentukan nilai dan karakter pelajar apabila dilaksanakan secara terancang dan berteraskan falsafah Pendidikan Islam. Oleh itu, kejayaan pelaksanaan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam bukan sekadar bergantung kepada inovasi pedagogi dan teknologi, tetapi juga kepada sejauh mana pendekatan tersebut mampu mengekalkan keseimbangan antara pembangunan akademik, profesionalisme pendidik dan pembentukan akhlak pelajar

Sintesis dan Perbincangan Silang

Jadual 1: Ringkasan Dapatan Kajian Lepas Berkaitan *Flipped Classroom* Dalam Pendidikan Islam

Tema Utama	Artikel Berkaitan	Dapatan & Sintesis Ringkas
Pelaksanaan Pedagogi	Nugraha et al. (2024); Alkandari & Alabdulhadi (2023); Rachmawati et al. (2023); Putri (2025); Padang (2025); Nur'aini (2021)	Pelaksanaan <i>flipped classroom</i> berbeza mengikut tahap pendidikan; digabungkan dengan pedagogi aktif di pendidikan tinggi dan difokuskan kepada pengukuhan konsep di peringkat sekolah.
Integrasi Teknologi	Zainuddin et al. (2019); Nur Hasanah (2023); Wedi et al. (2025); Purnasari (2024); Halid (2022)	Teknologi seperti LMS dan video pembelajaran menyokong pelaksanaan <i>flipped classroom</i> , namun keberkesanan bergantung kepada akses dan literasi digital.
Keberkesanan Pembelajaran	Atabik et al. (2025); Bani-Hamad et al. (2017); Alshabibi et al. (2021); El Qory et al. (2022)	<i>Flipped classroom</i> meningkatkan pencapaian akademik, pemahaman konsep, penglibatan pelajar dan kemahiran berfikir aras tinggi.
Pembelajaran Kendiri & Nilai Islam	Alkandari & Alabdulhadi (2023); Alfurqan et al. (2024); Muhtifah et al. (2022); Fauzi et al. (2024)	Pendekatan ini menyokong pembelajaran sendiri dan profesionalisme pendidik serta pembentukan karakter apabila berteraskan nilai Islam.

Berdasarkan Tema Utama, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam sangat bergantung kepada reka bentuk pedagogi dan konteks pendidikan. Pendekatan ini tidak diaplikasikan secara seragam, sebaliknya disesuaikan mengikut tahap pendidikan dan keperluan pelajar. Di peringkat pendidikan tinggi dan latihan guru, *flipped classroom* sering digabungkan dengan pedagogi aktif bagi menggalakkan pembelajaran bermakna dan penglibatan mendalam, manakala di peringkat sekolah pendekatan ini lebih tertumpu kepada pengukuhan konsep asas. Selain itu, integrasi teknologi seperti sistem pengurusan pembelajaran dan video pembelajaran berperanan sebagai medium sokongan utama, namun keberkesanan penggunaannya bergantung kepada akses kemudahan digital dan tahap literasi teknologi guru serta pelajar.

Dari segi hasil pembelajaran, majoriti kajian melaporkan peningkatan pencapaian akademik, pemahaman konsep, penglibatan pelajar dan kemahiran berfikir aras tinggi. Pendekatan *flipped classroom* juga dikenal pasti menyokong pembelajaran sendiri dan profesionalisme pendidik, khususnya apabila pendidik berperanan sebagai fasilitator pembelajaran. Pada masa yang sama, literatur menegaskan bahawa pelaksanaan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam perlu disejajarkan dengan nilai dan falsafah pendidikan Islam agar pembangunan karakter dan akhlak pelajar dapat dipelihara. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa kejayaan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam memerlukan pendekatan holistik yang mengintegrasikan pedagogi, teknologi, hasil pembelajaran dan nilai secara seimbang.

Rumusan Sorotan Literatur

Secara ringkas, sorotan literatur menunjukkan bahawa pendekatan *flipped classroom* semakin mendapat tempat dalam Pendidikan Islam sebagai satu usaha memperbaharui kaedah pengajaran selari dengan perkembangan teknologi. Pelaksanaannya didapati berbeza mengikut tahap pendidikan dan konteks institusi, dengan sokongan teknologi seperti sistem pengurusan pembelajaran dan video pembelajaran memainkan peranan penting dalam menyampaikan kandungan sebelum sesi bersemuka. Dari sudut keberkesanan, kebanyakan kajian melaporkan peningkatan dalam pencapaian akademik, kefahaman konsep dan penglibatan pelajar, di samping menyokong pembelajaran sendiri serta kemahiran berfikir aras tinggi. Pada masa yang sama, literatur menegaskan bahawa kejayaan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam tidak hanya

bergantung kepada teknologi atau strategi pengajaran semata-mata, tetapi juga kepada perancangan pedagogi yang rapi dan keselarasan dengan nilai serta falsafah pendidikan Islam bagi memastikan pembangunan akademik dan sahsiah pelajar dapat dicapai secara seimbang

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan Systematic Literature Review (SLR) bagi mengenal pasti, menilai dan mensintesis secara sistematik kajian-kajian lepas berkaitan pelaksanaan dan keberkesanan pendekatan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam. Pendekatan SLR dipilih kerana ia membolehkan kajian literatur dijalankan secara terancang, telus dan berulang, seterusnya meningkatkan kebolehpercayaan serta kesahan dapatan kajian. Bagi memastikan proses kajian mematuhi standard antarabangsa, kajian ini dipandu oleh rangka kerja Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta Analyses (PRISMA), yang menyediakan garis panduan jelas dalam proses pencarian, penapisan dan pelaporan literatur secara sistematik.

Jadual 2: Perincian Rentetan Carian Bagi Pangkalan Data
(*Search String Details For Databases*)

Pangkalan Data	Rentetan Carian (Search String)	Operator Boolean & Truncation	Bilangan Artikel Diperoleh
Scopus	("flipped classroom" OR "flipped learning") AND ("Islamic education" OR "Islamic studies" OR "religious education") AND ("teaching" OR "learning outcomes" OR "student engagement")	AND, OR, Truncation: educat* (education, educational)	185
Web of Science (WoS)	("flipped classroom" OR "flipped learning") AND ("Islamic education" OR "Islamic studies") AND ("pedagogical approach" OR "learning effectiveness")	AND, OR, Wildcard: learn* (learning, learner, learners)	142
Google Scholar	("flipped classroom" OR "flipped learning") AND ("Pendidikan Islam" OR "Pendidikan Agama Islam")	AND, OR	98
Research Gate	("flipped classroom" OR "technology-based learning") AND ("Islamic education" OR "religious education")	AND, OR	60
Jumlah Keseluruhan			485 artikel dikenapasti sebelum penapisan PRISMA

Proses pencarian literatur dijalankan menggunakan beberapa pangkalan data akademik utama, iaitu Scopus, Web of Science (WoS) dan Google Scholar. Pangkalan data ini dipilih kerana ia menyediakan akses kepada jurnal berwasit yang berkualiti tinggi dan relevan dengan bidang pendidikan serta kajian pedagogi berasaskan teknologi. Pencarian artikel dilakukan menggunakan gabungan kata kunci utama yang berkaitan dengan fokus kajian, antaranya "*flipped classroom*", "*flipped learning*", "*Islamic education*", "*Islamic studies*" dan "*religious education*". Kata kunci ini digabungkan menggunakan operator Boolean seperti AND dan OR bagi memperhalusi hasil carian, contohnya ("*flipped classroom*" OR "*flipped learning*") AND ("Islamic education" OR "Islamic studies"). Selain itu, teknik *truncation* dan *wildcards* turut digunakan bagi meluaskan skop pencarian dan mengelakkan pengecualian artikel yang relevan. Tempoh penerbitan artikel yang disertakan dalam kajian ini ditetapkan antara 2017 hingga 2025 bagi memastikan dapatan kajian yang dianalisis adalah terkini dan relevan dengan perkembangan semasa dalam Pendidikan Islam.

Jadual 3: Proses Pemilihan Dan Saringan Artikel

Peringkat Pemilihan	Penerangan	Bilangan Rekod
Rekod dikenal pasti melalui pencarian pangkalan data	Rekod diperoleh daripada Scopus, Web of Science dan Google Scholar	455
Rekod dikenal pasti melalui sumber tambahan	Rekod diperoleh melalui saringan rujukan (snowballing)	30
Jumlah keseluruhan rekod dikenal pasti	Sebelum penyingkiran duplikasi	485
Rekod duplikasi disingkirkan	Artikel yang bertindih antara pangkalan data	110
Rekod selepas duplikasi disingkirkan	Rekod untuk proses saringan	375
Rekod disaring	Saringan berdasarkan tajuk dan abstrak	375
Rekod dikecualikan	Tidak relevan dengan <i>flipped classroom</i> atau Pendidikan Islam	300
Artikel teks penuh dinilai untuk kelayakan	Artikel dibaca secara penuh	75
Artikel teks penuh dikecualikan	Tidak memenuhi kriteria kemasukan (konteks, bahasa, skop kajian)	52
Kajian akhir dimasukkan dalam ulasan sistematik	Artikel memenuhi semua kriteria kajian	23

Artikel yang dikenal pasti melalui proses pencarian kemudiannya ditapis berdasarkan kriteria kemasukan dan pengecualian yang telah ditetapkan. Kriteria kemasukan meliputi artikel yang membincangkan *flipped classroom* dalam konteks Pendidikan Islam, tersedia dalam bentuk teks penuh, dan diterbitkan dalam jurnal berwasit. Kajian berbentuk empirikal, kualitatif, kuantitatif dan kajian konseptual turut disertakan selagi sejajar dengan objektif kajian. Sebaliknya, artikel yang tidak relevan dengan fokus kajian, artikel dalam bahasa selain Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, prosiding persidangan tanpa semakan rakan sebaya, serta artikel yang tidak menyediakan maklumat metodologi yang jelas dikecualikan daripada analisis.

Proses pemilihan artikel dilaksanakan mengikut aliran PRISMA yang merangkumi empat peringkat utama, iaitu pengenaltastian, saringan, penilaian kelayakan dan pemilihan akhir. Pada peringkat pengenaltastian, sejumlah artikel dikenal pasti melalui pangkalan data yang dipilih. Artikel yang mempunyai pertindihan atau duplikasi kemudiannya dikeluarkan. Saringan seterusnya dilakukan berdasarkan tajuk dan abstrak bagi menyingkirkan artikel yang tidak memenuhi skop kajian. Artikel yang melepasi peringkat ini dinilai melalui bacaan teks penuh sebelum pemilihan akhir dibuat (Rethlefsen, M.L., Kirtley, S., Waffenschmidt, 2021). Hasil daripada proses ini, sebanyak 23 artikel dikenal pasti sebagai memenuhi semua kriteria kajian dan digunakan dalam sintesis literatur. Keseluruhan proses pemilihan ini diringkaskan dalam bentuk rajah alir PRISMA bagi meningkatkan ketelusan dan kebolehulangan kajian.

Analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis tematik. Setiap artikel dibaca secara terperinci dan dikodkan berdasarkan fokus kajian, pendekatan pelaksanaan serta dapatan utama. Artikel-artikel tersebut kemudiannya diklasifikasikan kepada beberapa tema utama yang sejajar dengan objektif kajian. Bagi memastikan kualiti literatur yang dianalisis, satu penilaian kualiti kajian turut dijalankan menggunakan beberapa kriteria, antaranya kejelasan tujuan kajian, kesesuaian kajian dengan objektif, kejelasan metodologi, perbincangan dapatan berbanding kajian terdahulu, serta pernyataan batasan kajian. Hanya artikel yang memenuhi tahap kualiti minimum disertakan dalam sintesis akhir.

Bagi menyokong proses pengurusan rujukan dan sitasi, perisian *Mendeley* digunakan sepanjang kajian ini. Penyusunan jadual ringkasan artikel, tema dan visualisasi turut dilakukan bagi memudahkan analisis dan pelaporan dapatan. Bagi memastikan ketepatan analisis, proses semakan berulang dan perbincangan konsensus digunakan dalam penentuan tema dan interpretasi dapatan. Pendekatan ini membantu meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan sintesis literatur yang dihasilkan.

Keputusan

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian hasil analisis sistematik terhadap 23 artikel terpilih yang membincangkan pelaksanaan dan keberkesanan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam. Dapatan disusun berdasarkan sintesis tematik yang dikenalpasti melalui analisis literatur, selaras dengan objektif kajian. Empat tema utama telah muncul daripada analisis ini, iaitu (i) reka bentuk pedagogi dan pelaksanaan *flipped classroom*, (ii) integrasi teknologi dan persekitaran pembelajaran digital, (iii) keberkesanan *flipped classroom* terhadap hasil pembelajaran pelajar, dan (iv) pembelajaran sendiri serta pembangunan profesional pendidik. Setiap tema dibincangkan secara terperinci menggunakan pendekatan sintesis naratif dan disokong oleh bukti empirikal daripada kajian-kajian terdahulu.

Jadual 4: Huraian Tema Berdasarkan Sintesis Tematik

Tema	Huraian Tema	Kajian Berkaitan (Pengarang & Tahun)
Tema 1: Reka Bentuk Pedagogi dan Pelaksanaan Flipped Classroom dalam Pendidikan Islam	Tema ini merujuk kepada cara <i>flipped classroom</i> direka dan dilaksanakan dalam Pendidikan Islam, termasuk struktur pembelajaran sebelum dan semasa kelas, peranan guru sebagai fasilitator, serta integrasi pendekatan pedagogi aktif seperti <i>problem-based learning</i> dan <i>project-based learning</i> .	Zainuddin et al. (2019); Nugraha et al. (2024); Saputra & Anita (2025); Halid (2022); Nur'aini (2021); Purnasari (2024)
Tema 2: Integrasi Teknologi dan Persekitaran Pembelajaran Digital	Tema ini menumpukan kepada penggunaan teknologi sebagai sokongan utama <i>flipped classroom</i> , termasuk penggunaan sistem pengurusan pembelajaran (LMS), video pembelajaran, e-pembelajaran dan platform digital dalam pengajaran Pendidikan Islam.	Zainuddin et al. (2019); Nur Hasanah (2023); Wedi et al. (2025); Novianto & Hidayat (2023); Halid (2022); Fauzi et al. (2024)
Tema 3: Keberkesanan Flipped Classroom terhadap Hasil Pembelajaran	Tema ini membincangkan keberkesanan <i>flipped classroom</i> terhadap hasil pembelajaran Pendidikan Islam, merangkumi pencapaian akademik, pemahaman konsep, motivasi, penglibatan, penyertaan kelas dan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar.	Atabik et al. (2025); Bani-Hamad et al. (2017); Rachmawati et al. (2023); Putri (2025); Padang (2025); El Qory et al. (2022); Alshabibi et al. (2021)
Tema 4: Pembelajaran Kendiri dan Pembangunan Profesional Guru	Tema ini merujuk kepada peranan <i>flipped classroom</i> dalam meningkatkan pembelajaran sendiri, regulasi sendiri, refleksi pembelajaran serta pembangunan kompetensi pedagogik dan profesionalisme guru dan guru pelatih Pendidikan Islam.	Alkandari & Alabdulhadi (2023); Alfurqan et al. (2024); Nur Hasanah (2023); Muhtifah et al. (2022); Fauzi et al. (2024)

Tema 1: Reka Bentuk Pedagogi dan Pelaksanaan Flipped Classroom dalam Pendidikan Islam

Analisis literatur menunjukkan bahawa pelaksanaan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam dilaksanakan melalui pelbagai reka bentuk pedagogi yang disesuaikan dengan konteks institusi dan tahap pendidikan. Kajian di peringkat pendidikan tinggi dan latihan perguruan menunjukkan kecenderungan untuk menggabungkan *flipped classroom* dengan pendekatan pedagogi aktif seperti *problem-based learning* (PBL) dan *project-based learning*. (Nugraha et al., 2024) melaporkan bahawa integrasi PBL dengan *flipped learning* dalam Pendidikan Agama Islam di

universiti bukan sahaja meningkatkan pemikiran kritis dan motivasi pelajar, malah membolehkan pelajar mengaplikasikan nilai Islam dalam penyelesaian masalah sebenar. Dapatan yang sama turut disokong oleh kajian (Alkandari & Alabdulhadi, 2023) yang mendapati bahawa pendekatan berasaskan projek dalam persekitaran *flipped classroom* meningkatkan autonomi dan regulasi sendiri guru pelatih Pendidikan Islam.

Di peringkat sekolah rendah dan menengah, pelaksanaan *flipped classroom* lebih tertumpu kepada penguasaan kandungan asas dan kefahaman konsep. Kajian oleh Rachmawati et al., (2023) mendapati bahawa pelaksanaan *flipped classroom* meningkatkan pencapaian dan kefahaman al-Quran murid sekolah rendah secara signifikan. Begitu juga, kajian oleh Putri, (2025) dan Padang, (2025) menunjukkan bahawa pendekatan ini meningkatkan pemahaman konsep Pendidikan Agama Islam serta motivasi pelajar sekolah menengah. Walau bagaimanapun, beberapa kajian menekankan bahawa kejayaan pelaksanaan *flipped classroom* sangat bergantung kepada perancangan pedagogi yang rapi dan kesiapsiagaan guru untuk beralih daripada peranan tradisional kepada fasilitator pembelajaran (Saputra, I. ., & Anita, 2025)

Tema 2: Integrasi Teknologi dan Persekitaran Pembelajaran Digital

Tema kedua berkaitan dengan peranan teknologi sebagai komponen utama dalam menyokong pelaksanaan *flipped classroom*. Sebahagian besar kajian menekankan penggunaan sistem pengurusan pembelajaran (LMS), video pembelajaran dan platform e-pembelajaran sebagai medium penyampaian kandungan prakelasa. Zainuddin et al., (2019) melaporkan bahawa model *flipped classroom* berasaskan LMS meningkatkan fleksibiliti pembelajaran dan menyokong pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi (HOTS) pelajar Pengajian Islam. Dapatan ini diperkukuh oleh kajian Hasanah, (2023) yang menunjukkan bahawa penggunaan Moodle dalam *flipped classroom* meningkatkan kompetensi pedagogik calon guru Pendidikan Islam secara signifikan. Dalam konteks transformasi digital Pendidikan Agama Islam, Agus Wedi & Dina Mardiana, (2025) menegaskan bahawa integrasi *flipped classroom* dan LMS dalam era kecerdasan buatan meningkatkan kualiti pembelajaran di madrasah. Selain itu, kajian oleh Novianto & Hidayat, (2023) menunjukkan bahawa pembelajaran tematik digital berasaskan *flipped classroom* menjadikan pembelajaran lebih fleksibel, kontekstual dan berkesan. Walau bagaimanapun, beberapa kajian turut melaporkan cabaran berkaitan akses teknologi dan kemahiran digital guru, khususnya di institusi yang mempunyai sumber terhad (Purnasari, 2024; Halid, 2022).

Tema 3: Keberkesanan Flipped Classroom terhadap Hasil Pembelajaran

Dapatan kajian menunjukkan konsistensi yang tinggi berkaitan keberkesanan *flipped classroom* terhadap hasil pembelajaran pelajar dalam Pendidikan Islam. Majoriti kajian melaporkan peningkatan pencapaian akademik dan kefahaman konsep pelajar berbanding kaedah pengajaran tradisional. Atabik et al. (2025) mendapati bahawa pelaksanaan *flipped classroom* dalam pembelajaran Pendidikan Islam secara dalam talian meningkatkan kefahaman dan pencapaian pelajar secara signifikan. Kajian oleh Bani-Hamad et al. (2017) turut menyokong dapatan ini dengan melaporkan peningkatan pencapaian akademik dan sikap positif pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam.

Selain pencapaian akademik, *flipped classroom* juga didapati meningkatkan penglibatan dan penyertaan pelajar dalam pembelajaran. Kajian oleh Alshabibi et al. (2021) menunjukkan bahawa pendekatan ini meningkatkan penyertaan kelas pelajar perempuan, terutamanya dalam kalangan pelajar berprestasi tinggi. Dapatan ini selari dengan kajian Nur'aini (2021) yang melaporkan peningkatan penglibatan dan pembelajaran sendiri pelajar, walaupun pelajar memerlukan tempoh penyesuaian awal. Dari sudut kognitif, kajian oleh El Qory et al. (2022) dan

Zainuddin et al. (2019) menunjukkan bahawa *flipped classroom* menyokong pembangunan kemahiran berfikir kritis dan pemikiran aras tinggi pelajar Pendidikan Islam.

Tema 4: Pembelajaran Kendiri dan Pembangunan Profesional Guru

Tema keempat menumpukan kepada peranan *flipped classroom* dalam membangunkan pembelajaran kendiri dan profesionalisme pendidik. Beberapa kajian yang melibatkan guru pelatih Pendidikan Islam menunjukkan bahawa pendekatan ini meningkatkan kemahiran pembelajaran kendiri, refleksi dan efikasi sendiri. Alkandari dan Alabdulhadi (2023) serta Alfurqan et al. (2024) mendapati bahawa *flipped learning* meningkatkan regulasi sendiri dan kemahiran teknologi guru pelatih, sekali gus menyokong pembangunan profesionalisme mereka. Selain itu, kajian oleh Muhtifah et al. (2022) menunjukkan bahawa pelaksanaan *flipped classroom* melalui e-pembelajaran menyokong pembangunan karakter Mukmin Ulul Albab secara holistik. Kajian Fauzi et al. (2024) pula menegaskan bahawa integrasi agama, sains dan teknologi dalam kurikulum Pendidikan Islam melalui pendekatan inovatif seperti *flipped classroom* dapat memperkukuh pembangunan karakter dan nilai pelajar.

Sintesis Keseluruhan Dapatan

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam dilaksanakan melalui pendekatan pedagogi dan teknologi yang pelbagai, namun berkongsi matlamat yang sama iaitu meningkatkan kualiti pembelajaran. Keberkesanan pendekatan ini bukan sahaja terhad kepada pencapaian akademik, malah meliputi penglibatan pelajar, pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi, pembelajaran kendiri dan pembentukan karakter. Walaupun majoriti kajian melaporkan dapatan positif, beberapa cabaran berkaitan kesiapsiagaan guru, akses teknologi dan penyesuaian pelajar turut dikenal pasti. Dapatan ini memberikan gambaran menyeluruh dan berasaskan bukti mengenai potensi dan realiti pelaksanaan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam.

Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian hasil sintesis sistematik terhadap 23 artikel berkaitan pelaksanaan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam. Perbincangan ini difokuskan kepada interpretasi dapatan utama mengikut tema yang dikenal pasti, perbandingan dengan kajian terdahulu, implikasi terhadap teori, amalan dan polisi pendidikan, serta batasan kajian ini.

Interpretasi Dapatan Kajian

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa *flipped classroom* berpotensi besar sebagai pendekatan pedagogi inovatif dalam Pendidikan Islam. Majoriti kajian yang dianalisis melaporkan impak positif terhadap hasil pembelajaran pelajar, khususnya dari segi pencapaian akademik, pemahaman konsep, penglibatan aktif dan pembelajaran kendiri (Atabik et al., 2025; Bani-Hamad et al., 2017; Padang, 2025). Dapatan ini menunjukkan bahawa pengalihan penyampaian kandungan ke luar bilik darjah membolehkan masa bersemuka dimanfaatkan secara lebih berkesan untuk aktiviti interaktif dan pengukuhan pembelajaran.

Dari sudut reka bentuk pedagogi, dapatan kajian menunjukkan bahawa *flipped classroom* jarang dilaksanakan secara berdiri sendiri, sebaliknya digabungkan dengan pendekatan pedagogi aktif seperti *problem-based learning* dan *project-based learning*, terutamanya di peringkat pendidikan tinggi dan latihan perguruan (Nugraha et al., 2024; Alkandari & Alabdulhadi, 2023). Integrasi ini membolehkan pelajar mengaplikasikan konsep dan nilai Islam dalam konteks sebenar, sekali gus menyokong pembelajaran bermakna dan pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi (El Qory et al., 2022; Zainuddin et al., 2019). Di peringkat sekolah pula, *flipped*

classroom lebih berkesan apabila difokuskan kepada penguasaan kandungan asas dan kemahiran tertentu seperti pembelajaran al-Quran dan tajwid (Rachmawati et al., 2023; Purnasari, 2024).

Dapatan kajian turut menonjolkan peranan penting teknologi sebagai pemangkin kepada keberkesanan *flipped classroom*. Penggunaan sistem pengurusan pembelajaran (LMS), video pembelajaran dan platform e-pembelajaran dikenal pasti sebagai elemen utama yang menyokong fleksibiliti dan kebolehcapaian pembelajaran (Nur Hasanah, 2023; Wedi et al., 2025). Namun demikian, teknologi sahaja tidak menjamin kejayaan pelaksanaan pendekatan ini tanpa sokongan pedagogi yang kukuh dan kesiapsiagaan guru serta pelajar (Saputra & Anita, 2025).

Perbandingan dengan Kajian Terdahulu

Dapatan kajian ini selari dengan literatur sedia ada dalam bidang pendidikan secara umum yang melaporkan keberkesanan *flipped classroom* dalam meningkatkan penglibatan dan pencapaian pelajar. Walau bagaimanapun, dalam konteks Pendidikan Islam, kajian-kajian yang dianalisis menunjukkan dimensi tambahan yang unik, iaitu keupayaan *flipped classroom* untuk menyokong pengintegrasian nilai Islam dan pembentukan karakter pelajar. Kajian oleh Muhtifah et al. (2022) dan Fauzi et al. (2024) menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan teknologi seperti *flipped classroom* boleh diselaraskan dengan falsafah Pendidikan Islam bagi menyokong pembangunan karakter Mukmin Ulul Albab secara holistik.

Selain itu, dapatan kajian ini mengukuhkan hujah bahawa *flipped classroom* bukan sekadar pendekatan untuk meningkatkan pencapaian akademik, tetapi juga berperanan dalam membangunkan pembelajaran sendiri dan profesionalisme pendidik. Kajian oleh Alkandari dan Alabdulhadi (2023) serta Alfurqan et al. (2024) menunjukkan bahawa guru pelatih Pendidikan Islam yang terlibat dalam persekitaran *flipped learning* menunjukkan peningkatan ketara dalam regulasi sendiri, refleksi dan efikasi sendiri. Dapatan ini menyokong pandangan bahawa *flipped classroom* berpotensi menjadi pendekatan latihan guru yang efektif dalam era digital.

Walaupun bagaimanapun, beberapa kajian turut melaporkan cabaran dan perdebatan berkaitan pelaksanaan *flipped classroom*. Antaranya ialah isu kesediaan pelajar untuk pembelajaran sendiri, beban kerja guru dalam menyediakan bahan digital, serta kekangan akses teknologi di sesetengah institusi (Nur'aini, 2021; Purnasari, 2024; Halid, 2022). Dapatan ini menunjukkan bahawa keberkesanan *flipped classroom* sangat bergantung kepada konteks dan sokongan sistem pendidikan.

Implikasi terhadap Teori, Amalan dan Polisi

Dari sudut teori, dapatan kajian ini menyumbang kepada pengembangan literatur berkaitan pedagogi berasaskan teknologi dalam Pendidikan Islam dengan menunjukkan bahawa *flipped classroom* selari dengan teori pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran sendiri. Pendekatan ini menggalakkan pelajar membina pengetahuan secara aktif dan reflektif, serta menyokong pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi seperti yang digariskan dalam Taksonomi Bloom (Zainuddin et al., 2019).

Dari segi amalan, dapatan kajian ini memberikan panduan praktikal kepada guru dan institusi Pendidikan Islam dalam merancang dan melaksanakan *flipped classroom* secara lebih berkesan. Penekanan perlu diberikan kepada reka bentuk pedagogi yang sistematik, pemilihan teknologi yang sesuai serta sokongan berterusan kepada guru dan pelajar. Selain itu, latihan profesional

yang berfokus kepada pedagogi digital perlu diperkukuh bagi memastikan guru Pendidikan Islam bersedia mengadaptasi peranan baharu sebagai fasilitator pembelajaran.

Dari sudut polisi, dapatan kajian ini mempunyai implikasi penting kepada pembuat dasar pendidikan. Integrasi *flipped classroom* dalam kurikulum Pendidikan Islam memerlukan sokongan infrastruktur teknologi, garis panduan pelaksanaan yang jelas serta pelaburan dalam pembangunan profesional guru. Dalam konteks transformasi digital pendidikan, dapatan ini boleh dijadikan rujukan dalam merangka dasar pendigitalan Pendidikan Islam yang lebih menyeluruh dan bersepadu (Agus Wedi & Dina Mardiana, 2025).

Batasan Kajian

Walaupun kajian ini menyediakan sintesis literatur yang menyeluruh, terdapat beberapa batasan yang perlu diakui. Pertama, kajian ini terhad kepada 23 artikel yang dipilih berdasarkan kriteria tertentu dan tempoh penerbitan yang ditetapkan, justeru dapatan mungkin tidak mewakili keseluruhan literatur berkaitan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam. Kedua, variasi konteks kajian, reka bentuk metodologi dan pendekatan pedagogi dalam artikel yang dianalisis menyukarkan perbandingan langsung antara kajian. Ketiga, kajian ini bergantung kepada dapatan kajian lepas dan tidak melibatkan pengumpulan data empirikal baharu. Sehubungan itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk meneroka secara empirikal keberkesanan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam merentas konteks dan tahap pendidikan yang berbeza, serta mengkaji secara mendalam cabaran pelaksanaan dari perspektif guru, pelajar dan pembuat dasar.

Kesimpulan

Kajian tinjauan literatur sistematik ini bertujuan untuk mensintesis secara menyeluruh dapatan kajian lepas berkaitan pelaksanaan dan keberkesanan pendekatan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam. Berdasarkan analisis terhadap 23 artikel terpilih, kajian ini memberikan gambaran yang jelas bahawa *flipped classroom* merupakan satu pendekatan pedagogi yang semakin relevan dan berpotensi besar dalam menyokong transformasi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dalam era digital.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan *flipped classroom* dalam Pendidikan Islam dilaksanakan melalui pelbagai reka bentuk pedagogi dan pendekatan teknologi yang berbeza mengikut konteks dan tahap pendidikan. Pendekatan ini sering digabungkan dengan pedagogi aktif seperti *problem-based learning*, *project-based learning* dan *blended learning*, khususnya di peringkat pendidikan tinggi dan latihan perguruan. Di peringkat sekolah rendah dan menengah pula, *flipped classroom* lebih tertumpu kepada penguasaan kandungan asas dan peningkatan kefahaman konsep. Kepelbagaian corak pelaksanaan ini menunjukkan fleksibiliti pendekatan *flipped classroom*, namun pada masa yang sama menuntut perancangan pedagogi yang rapi dan kesiapsiagaan guru bagi memastikan keberkesanannya. Dari segi keberkesanan, majoriti kajian melaporkan dapatan positif terhadap hasil pembelajaran pelajar, termasuk peningkatan pencapaian akademik, pemahaman konsep, penglibatan aktif dan pembelajaran sendiri. Selain itu, *flipped classroom* turut dikenal pasti menyokong pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi serta pembentukan karakter dan nilai Islam apabila dilaksanakan secara selari dengan falsafah Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, keberkesanan pendekatan ini didapati sangat bergantung kepada faktor sokongan seperti penggunaan teknologi yang sesuai, kemahiran pedagogi guru, serta kesediaan pelajar untuk terlibat dalam pembelajaran sendiri. Walaupun kajian ini menyediakan sintesis literatur yang komprehensif, beberapa jurang penyelidikan masih wujud dan membuka ruang kepada kajian masa hadapan. Kajian lanjutan disarankan untuk meneroka secara empirikal keberkesanan

flipped classroom dalam Pendidikan Islam merentas konteks geografi dan tahap pendidikan yang berbeza, termasuk perbandingan antara sekolah bandar dan luar bandar. Selain itu, kajian masa hadapan juga boleh menumpukan kepada penerokaan cabaran pelaksanaan dari perspektif guru, pelajar dan pentadbir pendidikan, khususnya berkaitan beban kerja guru, akses teknologi dan sokongan institusi. Kajian longitudinal juga dicadangkan bagi menilai impak jangka panjang *flipped classroom* terhadap pembentukan nilai, akhlak dan pembelajaran sepanjang hayat dalam Pendidikan Islam.

Sebagai kesimpulan, kajian ini mengesahkan bahawa *flipped classroom* merupakan satu pendekatan pedagogi yang berpotensi besar dalam memperkukuh kualiti Pendidikan Islam. Melalui sintesis literatur yang sistematik dan berasaskan bukti, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan penting kepada penyelidik, pendidik dan pembuat dasar dalam merancang dan melaksanakan inovasi pedagogi yang lebih berkesan dan berteraskan nilai Islam.

Rujukan

- Agus Wedi, Dina Mardiana, U. U. (2025). Digital Transformation Model of Islamic Religious Education in the AI Era : A Case Study of Madrasah Aliyah in East Java , Indonesia. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 24(8), 842–863. <https://doi.org/https://doi.org/10.26803/ijlter.24.8.37>
- Alkandari, K., & Alabdulhadi, M. (2023). Promoting Self-Regulation Skills Among Pre-Service Islamic Studies Teachers Through Project-Based Learning Utilizing a Flipped Learning Strategy. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 22(5), 74–100. <https://doi.org/https://doi.org/10.26803/ijlter.22.5.4>
- Alshabibi, T., Ayasra, M. A.-, & Almehrzi, R. (2021). The effect of using the flipped classroom strategy on the classroom participation of female students in the subject of Islamic education in the light of their academic achievement. *An-Najah University Journal for Research - B (Humanities)*, 35(5), 671–702. <https://doi.org/https://doi.org/10.35552/0247-035-005-001>
- Atabik, A., Fian, K., Hardoyono, F., & Dahlan, A. (2025). Cakrawala Pendidikan Optimizing educational management through the flipped classroom method : An innovation in Islamic education learning in the digital era. *Jurnal Cakrawala Pendidikan*, 44(3), 557–567. <https://doi.org/https://doi.org/10.21831/cp.v44i3.88460>
- Halid, A. (2022). Blended Learning : Alternative Methods Of Effective Islamic Religious Education. *FAJAR Jurnal Pendidikan Islam*, 2(2), 176–185. <https://doi.org/https://doi.org/10.56013/fj.v2i2.1620>
- Hasanah, F. N. (2023). Optimalisasi Kompetensi Pedagogik Calon Guru PAI Melalui Implementasi Flipped Classroom Berbasis Moodle pada Microteaching. *Munaddhomah: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 4(2), 261–271. <https://doi.org/https://doi.org/10.31538/munaddhomah.v4i2.448>
- Muhamad Restu Fauzi, Tasman Hamami, H.-J. K. (2024). Islamic Religious Education Curriculum Innovation : Fethullah Gülen ' s Perspective. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 21(1), 186–200. <https://doi.org/https://doi.org/10.14421/jpai.v21i1.7089>
- Muhtifah, L., Mahrus, E., Rahmiani, N., & Syariah, F. (2022). E-Learning Flipped Classroom : Instituting An Integrated Islamic Education. *Nazhruna: Jurnal Pendidikan Islam*, 5(1), 244–260. <https://doi.org/https://doi.org/10.31538/nzh.v5i1.2038>
- Novianto, E., & Hidayat, N. (2023). Renewal of Islamic Religious Education Thematic Learning Approaches in the Digital Age. *Journal of Psychology and Child Developmen*, 3(2), 119–133. <https://doi.org/10.37680/absorbent>
- Nugraha, T. C., Rahim, E. E. A. A., Lukman, F., Departement, L., Literature, A., & Padjadjaran,

- U. (2024). Integrating Problem-Based And Flipped Learning In Islamic Religious Education: A Pathway To Achieving Sustainable Development Goals. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(1), 125–136. <https://doi.org/10.15575/jpi.v10i1.35204>
- Padang, M. (2025). Efektivitas Model Flipped Classroom pada Pembelajaran Pendidikan Agama Islam di Masa Digital. *Jurnal Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan*, 3(1), 75–82. <https://ejournal.edutechjaya.com/index.php/jitk/article/view/1343>
- Purnasari, M. (2024). Pembelajaran Al-Qur'an dengan Model Flipped Classroom pada Mata Pelajaran PAI untuk Mengefektifkan Waktu dan Sumber Daya Manusia pada Sekolah Menengah Pertama. *Epistemic: Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 3(2), 218–241. <https://doi.org/https://doi.org/10.70287/epistemic.v3i2.94>
- Putri, K. (2025). Implementasi Model Pembelajaran Flipped classroom untuk Meningkatkan Pemahaman Siswa di Mata Pelajaran PAI. *Jurnal Kualitas Pendidikan*, 3(1), 22–28. <https://ejournal.edutechjaya.com/index.php/jkp/article/view/1196>
- Rachmawati, Y., Mariono, A., & Arianto, F. (2023). International Journal of Social Science And Human Research The Effect of a Flipped Classroom Model on Students ' Learning Outcomes in Islamic Religion Education for 6th- Grade Elementary School. *International Journal of Social Science And Human Research*, 06(08), 4900–4905. <https://doi.org/10.47191/ijsshr/v6-i8-39>
- Rethlefsen, M.L., Kirtley, S., Waffenschmidt, S. et al. (2021). PRISMA-S : an extension to the PRISMA Statement for Reporting Literature Searches in Systematic Reviews. *Systematic Reviews*, 10(39), 1–19. <https://doi.org/https://doi.org/10.1186/s13643-020-01542-z>
- Saniyyah, S., Qory, E., Fahmi, M., Jazil, S., & Husna, U. (2022). Penerapan Model Pembelajaran Flipped Classroom Dalam Meningkatkan Kemampuan Pendidikan Agama Islam. *EL-BANAT Jurnal Pemikiran Dan Pendidikan Islam*, 12(1), 87–103. <https://doi.org/https://doi.org/10.54180/elbanat.2022.12.1.87-103>
- Saputra, I. ., & Anita, F. . (2025). Innovation in Islamic Religious Education Learning in the Digital Era: Effective Design of the Flipped Learning Model. *Insight: Indonesian Journal of Social, Humanity, and Education*, 1(1), 45–54. <https://doi.org/https://doi.org/10.70742/insight.v1i1.229>
- Zainuddin, Z., Hermawan, H. D., Nuraini, F., & Prayitno, S. M. (2019). Flipping the classroom with a LMS : Designing a technology- based learning model. *Journal of Education and Learning (EduLearn)*, 13(3), 309–317. <https://doi.org/10.11591/edulearn.v13i3.12886>